

EVOLUSI SPRM



Malaysia menduduki tangga ke-54 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) oleh Transparency International (TI) bagi tahun 2015. Kedudukan tersebut menyaksikan penurunan empat tangga berbanding dengan tahun sebelumnya. Meskipun kedudukan tersebut bukan ukuran yang mutlak bagi menggambarkan situasi yang tepat, CPI tersebut dapat dijadikan ukuran bagi mencapai penyelesaian yang menyeluruh dalam jangka masa yang panjang.

G. MANIMARAN



Abu Kassim Mohamed

SETELAH lapan tahun dibentuk bagi menggantikan Badan Pencegah Rasuah (BPR), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus kukuh memegang dua matlamat utama, iaitu membanteras segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa, dan penyelewengan secara berterusan.

Sebagai institusi yang amat penting, berlandaskan pembentukan di bawah Akta SPRM 2009, SPRM dilihat sebagai model suruhanjaya, khususnya dalam sektor pencegahan rasuah. Persoalannya, selepas lapan tahun dibentuk, sejauh manakah keberkesanan SPRM dalam membanteras rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan?

Menurut Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed, yang menerajui SPRM sejak Januari 2010, beliau berkongsi perasaan gembiranya kerana berpeluang membawa pembaharuan menerusi pelbagai program transformasi.

"Susulan pembentukan SPRM bagi menggantikan BPR, kita melaksanakan lebih 30 inisiatif di bawah program

transformasi sejak tahun 2011," kata beliau kepada media baru-baru ini.

SPRM juga dipantau oleh lima badan bebas yang dianggotai oleh lebih 40 orang ahli, termasuk ahli Parlimen Barisan Nasional (BN), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang berperanan penting untuk memastikan kebebasan dan ketelusan SPRM.

"Saya melakukan yang terbaik untuk SPRM. Saya berkhidmat dalam bidang ini sebagai pegawai penyiasat pencegahan rasuah sejak lebih 30 tahun lalu. Dengan berbekalkan pengalaman dan pengetahuan yang sedia ada, apabila saya dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM, saya cuba melakukan yang terbaik dengan sokongan pegawai dan semua pihak untuk memimpin SPRM," kata beliau.

Tambah Tan Sri Abu Kassim, "Saya nampak ada peningkatan dan kemajuan yang memuaskan. Begitu pun, kita perlu terus berusaha untuk menjadikan SPRM sebagai agensi pencegahan rasuah yang terbaik di dunia."

Laporan Tahunan SPRM 2014 menyebut, sejak SPRM dibentuk, kadar sabitan meningkat daripada 54 peratus pada tahun 2009 kepada sekitar 80 peratus. Kadar keyakinan masyarakat juga meningkat dua kali ganda berbanding

dengan hanya 30 peratus pada tahun 2009. Bilangan kes yang berjaya disiasat pada tahun yang sama turut mencapai 85 peratus.

Badan dunia, seperti Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Berkenaan Dadah dan Jenayah (UNODC), dalam laporan penilaiannya pada tahun 2013 mengiktiraf sebanyak 23 kejayaan dan amalan baik Malaysia dan SPRM dalam pencegahan rasuah. Malaysia dan SPRM satu-satunya negara yang mempunyai jumlah kejayaan dan amalan baik yang banyak setelah melalui penilaian oleh UNODC. Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) juga diiktiraf oleh UNODC sebagai pusat latihan bertaraf antarabangsa. UNODC turut mengiktiraf kebebasan SPRM dengan kewujudan badan bebas yang memantau SPRM, khususnya Panel Penilaian Operasi (PPO). PPO berperanan penting dalam memantau perjalanan dari segi operasi SPRM dan memastikan siasatan SPRM dilaksanakan dengan bebas, telus dan profesional.

Sejak PPO ditubuhkan pada tahun 2009 sehingga Disember 2014, secara keseluruhannya terdapat 63 kes, yang pada asalnya diputuskan oleh Timbalan Pendakwa Raya tiada merit untuk didakwa di mahkamah, disemak semula, dan dibuat siasatan lanjut dengan cadangan PPO. Hasilnya, sebanyak lapan kes berjaya dituduh di mahkamah.

Program Transformasi SPRM yang dilaksanakan pada tahun 2011 adalah bertujuan untuk mengukuhkan operasi strategi penguatkuasaan antirasuah agensi, mengurus modal insan secara berkesan, dan meningkatkan pencegahan rasuah. Oleh itu, SPRM memperkenalkan lebih 30 inisiatif meliputi kedua-dua operasi dan modal insan yang kini berada pada peringkat yang ketiga. Antara inisiatif tersebut termasuklah memberikan tumpuan kepada pelaksanaan rancangan tindakan kepada pencegahan, penggunaan bilik temu bual bervideo (VIR), dan mengurangkan dakwaan kekerasan ketika siasatan. Dalam hal ini, misi SPRM adalah untuk menerajui usaha pencegahan rasuah di Malaysia dan menjadikan SPRM sebagai organisasi yang dinamik dan progresif melalui pembangunan kapasiti yang berterusan.

SPRM sudah tentu berhadapan dengan cabaran dalam pelbagai bentuk yang secara langsung dan tidak langsung menjadikan badan tersebut sebagai organisasi yang dinamik. Oleh itu, Tan Sri Abu Kassim turut bersetuju bahawa perkembangan yang melibatkan SPRM sejak belakangan ini merupakan cabaran paling getir dalam sejarah SPRM dan BPR, iaitu sejak lebih empat dekad agensi pencegahan rasuah di Malaysia dibentuk.

Yang penting SPRM perlu menyasiat setiap kes rasuah, tidak kira "saiz" meskipun banyak pihak menggunakan ukuran "ikan bilis atau jerung" dalam mengenal pasti rasuah. Dalam hal ini, undang-undang memperuntukkan kuasa kepada SPRM untuk menyasiat setiap kes yang mempunyai elemen rasuah tanpa mengira orang dan

kedudukan orang yang disiasat. Begitu pun, banyak pihak masih kurang jelas bahawa undang-undang semasa hanya memberikan kuasa kepada SPRM untuk menjalankan siasatan, manakala kuasa untuk memutuskan, sama ada wujud kes atau sebaliknya, terletak di bawah kuasa pendakwa raya. Di Malaysia, peguam negara ialah pendakwa raya.

Dalam Laporan Tahunan 2014, Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), menzhahirkan komitmen untuk melaksanakan perubahan supaya dapat mewujudkan persekitaran bebas rasuah di Malaysia. Oleh itu, wujud cadangan dan syor, terutama yang melibatkan pindaan undang-undang yang dikemukakan. Begitu pun sehingga kini perkara tersebut masih belum dibawa ke parlimen untuk diluluskan. JKMR berharap syor tersebut menjadi kenyataan dengan pindaan tersebut dibawa ke parlimen secepat mungkin.

Antara perkara penting yang pernah disorkan termasuklah cadangan pindaan undang-undang yang melibatkan Seksyen 23 dan 36 Akta SPRM 2009, pembentukan suruhanjaya perkhidmatan SPRM, dan pelantikan ketua pesuruhjaya SPRM di bawah Perlembagaan Persekutuan, serta peruntukan liabiliti korporat dan salah laku penjawat awam.

JKMR turut menggariskan beberapa cadangan, seperti pindaan Seksyen 23 Akta SPRM 2009 berkenaan dengan kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk memperoleh apa-apa suapan sama ada untuk dirinya, saudaranya atau sekutunya. Turut disorkan pindaan terhadap Seksyen 36 Akta SPRM 2009 yang berkaitan dengan aspek memperoleh maklumat tentang pemilihan harta seseorang individu berdasarkan penyiasatan yang dibuat oleh SPRM, mempunyai alasan yang munasabah bahawa apa-apa jumlah wang atau harta benda yang dipegang oleh seseorang itu merupakan kesalahan rasuah, maka barulah notis pengisytiharan harta boleh dikeluarkan. Hal ini bermaksud bahawa SPRM tidak boleh secara terus meminta seseorang individu untuk mengisytiharkan kewangan atau harta benda tanpa ada siasatan awal.

Syor lain termasuklah mewujudkan peruntukan liabiliti korporat dan salah laku penjawat awam dan mewujudkan tempoh bertenang (*cooling off period*) bagi penjawat awam yang bersara. Hal ini penting terutamanya bagi penjawat awam yang berkedudukan tinggi yang baru bersara supaya tidak menggunakan pengaruh, pengetahuan, dan peranan semasa berkhidmat dengan kerajaan untuk kepentingan majikan baharu, khususnya yang melibatkan kontrak atau tender kerajaan.

Evolusi dan kedinamikan sesebuah organisasi, khususnya agensi penguat kuasa, memerlukan pendekatan memperkasakan undang-undang. Ketika SPRM melangkah ke tahun yang kelapan, perubahan dari segi struktur perundangan wajar disegerakan.